

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

17. Berapakah pintu air yang dimiliki JPS, MPSP dan pihak swasta di SPS, bagaimanakah keadaannya dan adakah ia akan dinaik taraf atau diperbanyakkan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Secara keseluruhannya terdapat 12 pintu air pasang surut *Tidal Control Gate* (TCG) di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Empat (4) daripada TCG tersebut adalah di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu TCG Kebun Baru, TCG Pulau Burung, TCG Gate D di Bukit Tambun dan TCG Gate C di Kawasan Batu Kawan. Keempat-empat TCG ini masih beroperasi berdasarkan jadual pasang surut air laut. Keempat-empat TCG tersebut perlu dinaik taraf atas faktor pembangunan sekitar yang pesat dan bagi tujuan peningkatan keberkesanan sistem operasi. JPS telah menerima kelulusan peruntukan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menaik taraf pintu air pasang surut di daerah SPS.

Manakala terdapat lapan (8) TCG dimiliki oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di SPS iaitu dua (2) TCG di Taman Minnamah, Nibong Tebal, dua (2) TCG di Persiaran Tanjung Permai, Villa Tanjung Permai, Batu Kawan dan empat (4) TCG di Parit Siam, Taman Merak, Simpang Ampat. Kesemua pintu air tersebut berada dalam keadaan baik dan diselenggara sekali seminggu. Buat masa ini, MPSP tidak mempunyai rancangan untuk menaik taraf pintu-pintu air sedia ada. MPSP mempunyai

perancangan untuk menambah satu (1) pintu air di parit monsun Taman Pekaka yang dijadual untuk dilaksanakan pada September 2018.

Sebagai makluman, tiada pintu air yang dimiliki oleh pihak swasta di daerah SPS.